



**MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN RTBB, DIVIDEN TSK DAN
ZAKAT ANAK SYARIKAT RISDA NEGERI JOHOR
TAHUN 2008**

UCAPAN ALUAN

**TN. HJ. OMAR BIN PAIMIN
PENGARAH BAHAGIAN PENGEMBANGAN & KESEJAHTERAAN RAKYAT
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

DEWAN JUBLI INTAN,
PONTIAN, JOHOR
23 SEPTEMBER 2008
2.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik
Pengerusi RISDA Malaysia

Yang Berhormat Datik Ir. Hasni bin Mohamad
ADUN Kawasan Benut merangkap
Ketua UMNO Bahagian Pontian

Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Hj. Yusof
ADUN Kawasan Kukup merangkap
Ketua UMNO Bahagian Tg. Piai

Yang Dihormati Tn. Hj. Mislán bin Karmani
Pegawai Daerah Pontian

En. Kaab bin Alias
Pengarah RISDA Negeri Johor

Para Jemputan serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Penyampaian Dividen Rancangan Tanam Baru Berkelompok

3

(RTBB), Dividen Tanam Semula Komersial (TSK) dan Zakat Anak Syarikat RISDA Negeri Johor Tahun 2008. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Pengerusi RISDA yang telah sudi melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis kita pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Tan Sri begitu bermakna kepada semua yang hadir

4

pada hari ini. Sokongan yang ditunjukkan oleh Tan Sri akan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasakan pekebun kecil dan sama-sama membantu negara mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, InsyaAllah.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, ADUN Kawasa Benut dan Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Hj. Yusof, ADUN Kawasan Kukup yang begitu perihatin untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini. Juga kepada Tn. Hj. Mislan bin Karmani, Pegawai Daerah Pontian serta dif-dif jemputan ke

Majlis ini, Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong kepada RISDA untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan penduduk di luar bandar khususnya dan juga industri getah keseluruhannya.

Tidak lupa juga kepada semua peserta RTBB, TSK, serta pekebun kecil dari seluruh Negeri Johor dan pastinya Majlis pada hari ini memberi pengertian yang cukup besar kepada RISDA khususnya dalam meningkatkan dan memperbaiki taraf hidup pekebun kecil di Negeri Johor, khususnya kearah mensasarkan pendapatan melebihi RM 2000 sebulan sekeluarga.

2.0 SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH PUASA

Di bulan Ramadhan yang penuh berkat ini, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Menjalankan Ibadah Puasa kepada semua muslimin dan muslimat. Semoga amal ibadah yang kita lakukan diterima oleh Allah S.W.T. kelak, InsyaAllah. Oleh kerana Hari Raya Aidil Fitri juga hanya seminggu sahaja lagi, saya mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya.

7

3.0 TUJUAN MAJLIS

Tujuan RISDA mengadakan Majlis ini pada hari ini adalah untuk menyampaikan keuntungan terkumpul RTBB bagi tahun 2007 dan juga dividen TSK bagi tempoh Januari-September 2008 bagi Negeri Johor. Juga penyampaian zakat oleh Anak Syarikat RISDA kepada fakir miskin di kalangan Fakir Miskin Negeri Johor yang ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Daerah Pontian.

4.0 PEMBAYARAN DIVIDEN RTBB DAN TSK

RTBB ini yang dilaksanakan mulai tahun 1974 telah pun membayar dividen mulai tahun 1982. Bagi tahun 2007, pihak

8

RISDA akan menyampaikan dividen yang bernilai **RM 41,322,650.00 (41.3 juta)** khusus bagi **13,986 orang** peserta dengan keluasan lebih kurang **41,322.65 hektar di seluruh negara**. Purata bayaran dividen adalah **RM2,954.57** bagi setiap peserta.

Bagi **Negeri Johor**, sejumlah **RM 15,620,000.00** keuntungan terkumpul RTBB akan diberikan kepada **5,070 orang** peserta iaitu meliputi **Skim RTBB biasa dan Skim RTBB Koperasi Ladang Pekebun Kecil Malaysia Bhd.** Kadar dividen adalah **RM 1,000** seekar. Selain daripada itu, sejumlah **RM 7,592,484.71** dividen **TSK Negeri Johor** bagi tempoh **Januari hingga**

9

September 2008 akan juga diberikan kepada seramai **2,307 orang** peserta.

5.0 PEMBAYARAN BANTUAN ZAKAT

Pada tahun ini, Anak Syarikat RISDA iaitu **Estet Pekebun Kecil atau ESPEK dan RISDA Plantation Sdn Bhd atau RPSB** telah mengeluarkan zakat untuk diagihkan kepada **fakir miskin di seluruh negara**. Jumlah zakat oleh **ESPEK** adalah **RM 96,000** dan **RPSB** adalah **RM50,000**. Daripada jumlah ini, **Negeri Johor** telah diperuntukkan sejumlah **RM24,400.00** dan zakat ini akan

diserahkan kepada 122 orang fakir miskin yang ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Daerah Pontian.

6.0 PENUTUP

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Pengerusi RISDA pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri atas kesudian untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Setinggi penghargaan juga kepada YB Datuk Ir. Hasni bin Mohamad dan

11

YB Datuk Md. Othman bin Hj. Yusof. Juga ribuan terima kasih kepada para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En Kaab bin Alias, Pengarah RISDA Negeri Johor serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

12